1.2 Latar Belakang Kajian

Penuaan adalah hasil penurunan secara beransur-ansur dalam perubahan organisma dari semasa ke semasa dan berkaitan dengan proses pelbagai dimensi fizikal, psikologi serta perubahan sosial (Sorond et al., 2015). Penuaan berlaku sejak seseorang dilahirkan dan adalah proses semula jadi serta berterusan dengan perubahan fisiologi (Rosso et al., 2013). Keadaan perubahan penuaan akan meningkat apabila seseorang mengamalkan gaya hidup yang kurang sihat seperti pengambilan nutrisi yang tidak seimbang, tidak aktif, gangguan emosi, pengaruh persekitaran dan sosial. Menurut Varma et al. (2016), penuaan mempengaruhi kekurangan dalam sistem saraf pusat yang menyebabkan penurunan dalam fungsi kognitif, daya ingatan, kemampuan pembelajaran dan masa reaksi. Tambahan beliau, penuaan mengakibatkan perubahan tulang belakang, cara berjalan, perubahan saraf, otot mengecil dan mengecut, tangan menggigil dan deria rasa mula berkurang atau merosot. Manakala Fricke et al. (2018) mendapati bahawa penuaan mengakibatkan kemerosotan dalam memfokus benda yang hendak dilihat dan kepekaan terhadap cahaya serta perubahan mengadaptasi keadaan gelap berkurangan. Di samping itu, penuaan mengakibatkan deria





pendengaran menurun dan kelemahan dalam penentuan perubahan kedudukan (Wang, Sun, & Yang, 2017). Secara tidak langsung, proses penuaan menyebabkan gangguan dalam sistem sensori dan berkemungkinan meningkatkan risiko terjatuh dalam kalangan warga tua (Norman, Adkins, Norman, Cox, & Rogers, 2015).

Penuaan bukan sahaja melibatkan gangguan sistem sensori, malah melibatkan sistem motor dan mengakibatkan penurunan kekuatan otot terutama pada bahagian anggota bawah dan secara langsung membawa kepada defisit berfungsi (Guo, Phillips, Atherton, & Piasecki, 2020). Kekuatan otot dan daya tahan otot menurun dengan ketara seiring dengan usia meningkat. Kehilangan daya dan output kerja otot seiring dengan penurunan sistem muskuloskeletal. Penuaan mengakibatkan penurunan dalam jarak gerakan dan mempengaruhi kawalan postur (Mahlknecht et al., 2013). Tindak balas pergerakan komponen motor yang perlahan akan membawa kepada risiko terjatuh. Ketumpatan tulang warga tua menjadi kurang iaitu lebih rapuh apabila umur semakin meningkat. Penuaan mengakibatkan risiko osteoporosis, tulang rapuh yang menyebabkan senang patah, masalah arthritis dan penurunan fleksibiliti (Jahn, Zwergal, & Schniepp, 2010).

Penurunan ini boleh mengakibatkan ketidakseimbangan postur dan menyebabkan risiko terjatuh dalam kalangan warga tua. Perubahan dalam fisiologi dan psikologi dalam kalangan warga tua semasa proses penuaan menyebabkan warga tua yang sebelum ini merupakan ketua keluarga berasa ketidakselesaan dalam keluarga dengan perubahan-perubahan yang telah berlaku pada dirinya. Perasaan ketidakselesaan itu menyebabkan kebanyakan warga tua sering berasa seolah-olah menjadi beban kepada anak-anak dan juga dirasai oleh ahli keluarga (Sakinah Harith,





Suzana Shahar, Noor Aini Mohd Yusof, & Poi, 2010). Oleh itu, perancangan kehidupan warga tua sepatutnya bermula di peringkat awal lagi. Cabaran dan hakikat yang akan dihadapi oleh warga tua merupakan isu kritikal kerana isu ini melibatkan dimensi sosial, psikologi, demografi dan perubahan.

Menyedari kepentingan kebajikan dan keperluan penjagaan warga tua dengan lebih berkesan, selaras dan menyeluruh, kerajaan Malaysia telah mengambil langkah persediaan awal untuk menangani isu dalam kalangan warga tua dengan penggubalan dan pelaksanaan Dasar Warga Emas Negara (DWEN) dan Pelan Tindakan Warga Emas Negara (PTWEN) yang telah diluluskan oleh kerajaan pada 5 Januari 2011. Melalui DWEN dan PTWEN, kerajaan Malaysia dapat mewujudkan warga tua yang lebih berdikari, mempunyai martabat diri dan dihormati dengan menyumbangkan tenaga yang aktif dan produktif untuk pembangunan negara Malaysia (Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2017). Justeru, isu warga tua perlu diberi perhatian oleh semua warga Malaysia kerana ini merupakan isu yang akan dihadapi oleh setiap keluarga.

Sebanyak 37% daripada warga tua berusia antara 60 hingga 64 tahun merupakan lingkungan umur penduduk yang aktif dalam ekonomi. Walau bagaimanapun, daripada jumlah tersebut, hanya 39.5% (dalam lingkungan 351,800 orang) warga tua berada dalam pasaran buruh manakala 61.5% warga tua tidak berada dalam pasaran buruh. Sementara 63% daripada warga tua yang berumur 65 tahun ke atas tidak produktif (Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, 2019). Pada tahun 2014, Jabatan Kebajikan Masyarakat membelanjakan sebanyak RM347.54 juta bagi memberi bantuan kebajikan kepada 1.73 juta rakyat warga tua di





seluruh negara Malaysia (Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2017). Sementara dalam tahun 2018, Jabatan Kebajikan Masyarakat telah memperuntukkan perbelanjaan sebanyak RM554.19 juta bagi memberi bantuan kebajikan kepada 2.10 juta warga tua (Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, 2018). Ini menunjukkan bahawa dalam masa empat tahun kerajaan Malaysia telah meningkatkan peruntukkan sebanyak RM206.65 juta dalam bantuan kepada warga tua dengan bertambah bilangan warga tua di negara Malaysia. Warga tua dianggap sebagai aset yang amat penting kepada negara kerana mereka memiliki ilmu, pengalaman dan kepakaran yang tidak mudah dicari ganti. Usia tua bukan penghalang bagi mereka untuk menyumbang tenaga dalam pembangunan negara.

Menurut statistik Pertubuhan Kesihatan Sedunia (World Health Organization, 2008), penyebab utama kesakitan, kecacatan, kehilangan kebebasan dan kematian dalam kalangan warga tua adalah berkait rapat dengan risiko terjatuh. Tambahan World Health Organization (2008), setiap tahun terdapat 28-35% warga tua yang berumur lebih daripada 65 tahun dan 32-42% warga tua yang berumur lebih daripada 70 tahun mengalami risiko terjatuh. Kwan, Close, Wong, dan Lord (2011) menyatakan pelaziman terjatuh dalam kalangan warga tua di rumah dalam masyarakat bandar di Negara China ialah sebanyak 33% hingga 64% dan jumlah kadar risiko terjatuh di luar rumah ialah 22% hingga 76%. Sementara Woo dan Kim (2014) melaporkan bahawa 21% hingga 48% warga tua di Korea mengalami risiko terjatuh setiap tahun. Sakita, Murakami, Saito, dan Kumagai (2015) melaporkan bahawa 20% warga tua negara Jepun yang berumur 65 tahun dan ke atas mengalami risiko terjatuh sekurang-kurang sekali dalam setahun. Di Amerika Syarikat terdapat sebanyak 28.7% warga tua dilaporkan mengalami risiko terjatuh sekurang-kurang sekali dalam tempoh





12 bulan dan 37.5% warga tua memerlukan rawatan perubatan (Bergen, Stevens, & Burns, 2016).

Kekerapan warga tua menghadapi risiko terjatuh meningkat secara signifikan dengan penambahan usia. Dengan semakin meningkat umur seseorang warga tua, krisis yang paling membimbangkan ialah risiko terjatuh. Penyebab terjatuh yang paling nyata ialah warga tua mengalami kemerosotan dalam kestabilan keseimbangan (Tinetti, Fried, & Boyd, 2012). Kehilangan kestabilan keseimbangan menyebabkan risiko terjatuh yang menyebabkan kecederaan seperti lebam, patah tulang di bahagian pinggul, di bahagian buku lali, mengalami sakit di bahagian yang patah sepanjang masa, mengurangkan kualiti dalam hidup, ketidakupayaan dan berkemungkinan membawa kematian kepada warga tua. Menurut Tinetti et al. (2012), sekurang-kurangnya 95% daripada keretakan pinggul warga tua adalah disebabkan terjatuh. Keretakan tulang mengakibatkan warga tua perlu dimasukkan ke hospital dengan risiko pembedahan dan keadaan tidak dapat bergerak dalam jangka masa yang panjang (Stenhagen, Ekström, Nordell, & Elmståhl, 2014). Hal ini menyebabkan perbelanjaan perubatan bertambah dan mengakibatkan beban tanggungan ekonomi keluarga dan negara.

1.3 Pernyataan Masalah

Keseimbangan ialah satu proses yang amat kompleks dalam sistem tubuh manusia dan memainkan peranan yang besar dalam aktiviti kehidupan harian. Warga tua yang mengalami masalah keseimbangan badan akan mengalami masalah untuk berdiri,





berjalan, menaiki tangga dan berlari. Oleh itu, kestabilan postur tegak dan bergerak yang optimum amat penting dalam keseimbangan untuk melakukan aktiviti kehidupan harian dan aktiviti bersukan (Nashner, 2014). Alat sokongan seperti tongkat diperlukan oleh sesetengah warga tua untuk mengelak komplikasi besar sekiranya berlaku risiko terjatuh. Pencegahan dan rawatan yang baik perlu diberikan kepada warga tua untuk mengelak risiko terjatuh menjadi lebih serius serta proses rawatan dan rehabilitasi adalah penting untuk warga tua bagi memaksimumkan aktiviti kehidupan seharian.

Risiko terjatuh adalah perkara yang biasa dan sering berlaku dalam kalangan warga tua. Walaupun risiko terjatuh adalah multifaktorial, namun, kelemahan keseimbangan telah dikenal pasti sebagai salah satu faktor risiko intrinsik utama yang menyebabkan insiden terjatuh (Yoshida, 2007). Keupayaan keseimbangan menurun dengan usia yang bertambah, membawa kepada peningkatan risiko terjatuh dalam kalangan warga tua, terutama warga tua yang tidak aktif atau tidak cukup aktif.

Faktor utama warga tua yang berumur 60 tahun dan ke atas dalam risiko terjatuh adalah berkaitan dengan penuaan. Hal ini adalah disebabkan oleh kemerosotan sistem visual, vestibular dan somatosensori yang melambatkan penghantaran maklumat yang dikesan oleh organ deria sampai ke sistem saraf pusat (Gadkaree et al., 2016). Oleh yang demikian warga tua menghadapi ketidakseimbangan dalam pengawalan postur. Keseimbangan melibatkan pelbagai interaksi subsistem badan dalam koordinasi gerakan badan dan persekitaran. Kekurangan aktiviti fizikal boleh mempercepatkan kemerosotan fungsi sistem saraf deria yang bertanggungjawab terhadap keseimbangan badan (Nashner, 2014).





Berdasarkan statistik yang diberi oleh pengusaha pusat jagaan warga tua di Pulau Pinang sejak tahun 2015, terdapat 20 kes warga tua terjatuh. Apabila dikaji majoriti risiko terjatuh warga tua di pusat penjagaan adalah disebabkan kurang tahap keseimbangan. Warga tua tidak dapat mengimbangi badan semasa mereka berjalan atau bergerak atau semasa mereka bangun dari tidur. Oleh yang demikian, penyelidik ingin menghasilkan satu program intervensi supaya dapat membantu meningkatkan keseimbangan dan mencegah serta mengurangkan risiko terjatuh dalam kalangan warga tua.

Risiko terjatuh dalam kalangan warga tua adalah disebabkan oleh beberapa faktor. Faktor-faktor tersebut boleh dibahagikan kepada faktor intrinsik dan faktor ekstrinsik. Menurut Tacconi, Mellone, dan Chiari (2011), faktor ekstrinsik termasuk persekitaran, tingkah laku dan sosioekonomi. Reka bentuk rumah yang tidak sesuai, lantai yang licin, cahaya lampu yang malap, tiada pemegang sokongan di tempat laluan, tidak biasa dengan persekitaran baharu, cuaca dan suhu serta susunan perabot yang tidak teratur merupakan antara faktor-faktor persekitaran yang boleh menyebabkan warga tua menghadapi risiko terjatuh (Lök & Akin, 2013). Sementara faktor tingkah laku seperti mengambil ubat-ubatan yang banyak, minum alkohol berlebihan, tidak bersenam, memakai baju yang labuh, memakai kasut yang tidak sesuai dan alat bantu berjalan atau alat bantu lain yang tidak sesuai juga merupakan penyebab warga tua menghadapi risiko terjatuh (Bilik, Damar, & Karayurt, 2017). Faktor sosioekonomi juga merupakan penyebab warga tua menghadapi risiko terjatuh kerana keluarga yang miskin tidak dapat menjaga kesihatan warga tua yang uzur (Kim, Choi, & Xiong, 2020).





Faktor intrinsik adalah seperti peningkatan umur, sejarah terjatuh, penggunaan ubat-ubatan, tingkah laku tidak aktif, ketakutan terjatuh, gangguan penglihatan, masalah kaki, kekurangan pemakanan, gangguan kognitif dan sensori, menghidap penyakit kronik dan kemerosotan kefungsi fizikal (Tacconi et al., 2011). Kesukaran berjalan, kelemahan otot dan keseimbangan berdiri yang terganggu adalah faktor-faktor yang menyebabkan risiko terjatuh berlaku dalam kalangan warga tua. Frekuensi terjatuh meningkat secara signifikan apabila usia bertambah (Bird, Pittaway, Cuisick, Rattray, & Ahuja, 2013). Peningkatan kes terjatuh dalam kalangan warga tua berkait rapat dengan ketidakfungsi keseimbangan. Insiden terjatuh mengakibatkan aktiviti harian warga tua berkurangan, kehilangan keupayaan berdikari dan kematian (Wittink, Engelbert, & Takken, 2011). Risiko terjatuh boleh menyebabkan warga tua hilang keyakinan diri, mengurangkan aktiviti sosial, malah ada yang tidak mahu aktif semula kerana bimbang terjatuh lagi (Silsupadol, Siu, Shumway-Cook, & Woollacott, 2007).

Menurut Holm et al. (2004), kawalan keseimbangan dapat dipertingkatkan selepas mengikuti latihan keseimbangan selama enam hingga tujuh minggu. Walaupun terdapat instrumen-instrumen berteknologi tinggi yang dapat meningkatkan keseimbangan pesakit namun, instrumen berteknologi adalah mahal dan tidak mudah diperolehi. Memandangkan masalah warga tua menghadapi risiko terjatuh semakin serius pada zaman ini, maka adalah penting untuk mengenal pasti dan mencegah seawal mungkin. Oleh itu, kajian ini dilaksanakan untuk mengkaji keberkesanan Program Latihan Keseimbangan terhadap peningkatan kawalan keseimbangan bagi mencegah risiko terjatuh dalam kalangan warga tua. Warga tua merupakan aset yang amat penting dan berharga kepada negara. Ahli profesional kesihatan, kerajaan dan





masyarakat perlu sedar akan kepentingan kesihatan warga tua untuk kesejahteraan mereka. Hal ini dapat membantu ekonomi negara dalam mengurangkan kos perubatan dan menjamin kualiti hidup masyarakat warga tua yang sempurna.

1.4 Objektif Kajian

Berdasarkan latar belakang dan permasalahan kajian, penyelidik membahagikan objektif kajian ini kepada dua kategori iaitu objektif umum dan objektif spesifik.

Objektif Umum



1. Mengkaji keberkesanan Program Latihan Keseimbangan selama enam minggu dalam peningkatan kawalan keseimbangan statik, kawalan keseimbangan dinamik dan tahap kefungsiian keseimbangan untuk mencegah risiko terjatuh dalam kalangan warga tua.

Objektif Spesifik

1. Menentukan kebolehpercayaan instrumen pengukuran Sistem Pemarkahan Ralat Keseimbangan (*Balance Error Scoring System – BESS*), Ujian Keseimbangan Y (*Y Balance Test – YBT*) dan Skala Keseimbangan Berg (*Berg Balance Scale – BBS*) sebagai pengukuran keseimbangan dalam kalangan warga tua.



2. Mengkaji keberkesanan Program Latihan Keseimbangan dalam peningkatan kawalan keseimbangan statik dalam kalangan warga tua.
3. Mengkaji keberkesanan Program Latihan Keseimbangan dalam peningkatan kawalan keseimbangan dinamik dalam kalangan warga tua.
4. Mengkaji keberkesanan Program Latihan Keseimbangan dalam peningkatan tahap kefungsiian keseimbangan dalam kalangan warga tua.

Kajian yang dijalankan untuk menjawab persoalan-persoalan yang berikut.

1. Sejauh manakah kesan Program Latihan Keseimbangan selama enam minggu dalam peningkatan kawalan keseimbangan statik, kawalan keseimbangan dinamik dan tahap kefungsiian keseimbangan untuk mencegah risiko terjatuh dalam kalangan warga tua?
2. Apakah tahap kebolehpercayaan instrumen pengukuran Sistem Pemarkahan Ralat Keseimbangan, Ujian Keseimbangan Y dan Skala Keseimbangan *Berg* sebagai pengukuran keseimbangan dalam kalangan warga tua?

3. Sejauh manakah kesan Program Latihan Keseimbangan dalam peningkatan kawalan keseimbangan statik dalam kalangan warga tua?
4. Sejauh manakah kesan Program Latihan Keseimbangan dalam peningkatan kawalan keseimbangan dinamik dalam kalangan warga tua?
5. Sejauh manakah kesan Program Latihan Keseimbangan dalam peningkatan tahap kefungsiian keseimbangan dalam kalangan warga tua?

Hipotesis kajian merupakan pernyataan ramalan penyelidik tentang perhubungan antara pemboleh ubah. Ramalan tersebut diuji dalam bentuk hipotesis nul, yang merupakan pernyataan yang neutral bagi hipotesis kajian. Hipotesis nul diuji dengan ujian statistik. Hasil ujian statistik ke atas hipotesis nul membimbing penyelidik untuk menolak atau menerima hipotesis nul pada suatu aras signifikan yang telah ditetapkan ($p=.05$). Hipotesis nul kajian ini adalah seperti berikut:



$$H_{01}: BESS_{EG} = BESS_{PG} = BESS_{CG}$$

Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam kawalan keseimbangan statik antara Kumpulan Eksperimen (EG), Kumpulan Plasebo (PG) dan Kumpulan Kawalan (CG) selepas program intervensi dalam kalangan warga tua di Pulau Pinang.

$$H_{02}: YBT_{EG} = YBT_{PG} = YBT_{CG}$$

Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam kawalan keseimbangan dinamik antara Kumpulan Eksperimen (EG), Kumpulan Plasebo (PG) dan Kumpulan Kawalan (CG) selepas program intervensi dalam kalangan warga tua di Pulau Pinang.



$$H_{03}: BBS_{EG} = BBS_{PG} = BBS_{CG}$$



Tidak terdapat perbezaan yang signifikan untuk tahap kefungsiian keseimbangan antara Kumpulan Eksperimen (EG), Kumpulan Plasebo (PG) dan Kumpulan Kawalan (CG) selepas program intervensi dalam kalangan warga tua di Pulau Pinang.

1.7 Kepentingan Kajian

Ketidakstabilan keseimbangan dalam kalangan warga tua membawa banyak impak, bukan sahaja kepada diri warga tua malah memberi masalah kepada ahli keluarga. Masalah ketidakstabilan keseimbangan akan menyebabkan warga tua itu terjatuh (Pirker, & Katzenschlager, 2017). Insiden terjatuh menyebabkan warga tua





berkemungkinan menghadapi patah tulang, lebam, tidak bermaya untuk berjalan, takut untuk berdiri dan berjalan malah paling serius terpaksa berbaring di atas katil (Değer, Saraç, Savaş, & Akçiçek, 2019). Tanpa kestabilan keseimbangan yang baik, seseorang tidak dapat mengelak diri dari insiden terjatuh. Oleh itu, kesedaran tentang penjagaan keseimbangan badan adalah penting untuk diberi kepada warga tua. Terdapat banyak sebab mengapa ramai warga tua berhadapan masalah ketidakseimbangan hingga menyebabkan mereka mudah terjatuh dan cedera hingga membawa maut. Faktor ubat-ubatan yang dimakan dalam proses rawatan penyakit kronik adalah antara penyebab tekanan darah menurun mendadak sehingga menyebabkan mereka mudah terjatuh dalam keadaan tidak sedar. Pengambilan ubat juga menyebabkan warga tua menghadapi ketidakseimbangan badan (De Jong, Van der Elst, & Hartholt, 2013).



Masyarakat beranggapan bahawa warga tua pada usia 60 tahun dan ke atas seharusnya mengurangkan aktiviti harian. Warga tua yang tidak banyak melakukan pergerakan akan menyebabkan fungsi otot dalam badan mereka merosot dan secara tidak langsung keseimbangan turut terjejas. Warga tua yang menghidap penyakit kritikal seperti angin ahmar, parkinson, sakit sendi atau diabetes adalah berisiko terjatuh kerana penyakit yang dialami menjejaskan keseimbangan badan (Malabu, Vangaveti, & Kennedy, 2014). Faktor ketidakseimbangan badan menjadi punca warga tua sering menghadapi risiko terjatuh hingga membawa kecederaan yang menjadi punca kematian berbanding dengan penyakit kronik yang alami. Pendarahan pada otak boleh berlaku selain daripada kecederaan lain seperti patah tangan, kaki, tulang belakang dan pinggul yang boleh meragut nyawa (Roig et al., 2011). Risiko terjatuh dalam kalangan warga tua yang berlaku di seluruh dunia pada masa kini





membimbangkan ramai pihak. Warga tua yang mengalami risiko terjatuh memerlukan perhatian, penjagaan dan pengawasan secara holistik pada sepanjang masa.

Risiko terjatuh dalam kalangan warga tua yang kronik akan menimbulkan peningkatan kos perbelanjaan hospital. Ahli keluarga terpaksa meninggalkan urusan harian demi menjaga warga tua yang sakit. Hal ini akan membebankan kaum keluarga yang tidak berkemampuan dari segi kewangan. Insiden terjatuh perlu ditangani dengan mengambil pelbagai pendekatan termasuk penjagaan secara holistik yang membabitkan warga tua (Davis et al., 2010). Memandangkan gejala risiko terjatuh masih baru diberi perhatian dalam industri perubatan negara Malaysia, jadi adalah sukar bagi kerajaan Malaysia untuk menentukan dan mencatat statistik kematian disebabkan oleh insiden terjatuh. Oleh itu, hasil kajian ini boleh dijadikan sebagai panduan aktiviti latihan kepada ahli keluarga untuk membantu warga tua bagi meningkatkan keseimbangan. Secara tidak langsung risiko terjatuh dapat dikurangkan serta meringankan beban ahli keluarga dari segi kewangan dan masa penjagaan. Warga tua yang menghadapi masalah keseimbangan boleh mendapat faedah dengan latihan keseimbangan.

Dalam pembangunan negara dan masyarakat, sumbangan warga tua masih sangat diperlukan dan relevan dalam bentuk penasihat, suri teladan, mentor serta penyumbang tenaga dan fikiran (Kausler, Kausler, & Krupsaw, 2007). Jika warga tua tidak bergerak aktif, maka ini akan merupakan satu kerugian bagi masyarakat. Hasil kajian oleh Kausler et al. (2007) menunjukkan bahawa masyarakat berperanan untuk menyumbangkan tenaga untuk menyediakan fasiliti atau kemudahan dan tempat untuk warga tua menjalankan program peningkatan keseimbangan dengan selamat





dan selesa. Justeru itu, penyelidik menjalankan Program Latihan Keseimbangan untuk warga tua bagi melihat kesan Program Latihan Keseimbangan dalam peningkatan keseimbangan statik dan dinamik serta kefungsian keseimbangan dalam aktiviti harian bagi mencegah insiden terjatuh.

1.8 Limitasi Kajian

Subjek yang terlibat dalam kajian ini adalah warga tua yang berumur 65 tahun dan ke atas. Oleh sebab bilangan subjek kajian yang kecil, maka generalisasi dapatan kajian ini terbatas kepada warga tua di enam kumpulan persatuan sukarela atau rekreasi di Pulau Pinang sahaja. Tidak dinafikan bahawa faktor penyelidik boleh mempengaruhi subjek, namun begitu penyelidik telah menepati langkah-langkah protokol kajian dengan baik. Kajian ini hanya berfokus kepada tiga kriteria pengukuran iaitu kawalan keseimbangan statik, kawalan keseimbangan dinamik dan tahap kefungsian keseimbangan. Tujuan utama pemilihan Sistem Pemarkahan Ralat Keseimbangan, Ujian Keseimbangan Y dan Skala Keseimbangan *Berg* sebagai ujian instrumen pengukuran adalah untuk mengukur ketiga-tiga kriteria iaitu keseimbangan statik, keseimbangan dinamik dan keseimbangan tahap kefungsian yang merupakan konteks kajian ini.





1.9 Delimitasi Kajian

Kajian ini hanya melibatkan warga tua yang berumur 65 tahun dan ke atas yang sihat dan tidak memerlukan alat bantuan untuk berjalan. Kajian ini tidak melibatkan warga tua yang mempunyai penyakit seperti parkinson, osteoporosis, diabetes, obesiti, kecederaan di bahagian pergelangan kaki atau penyakit yang menyebabkan warga tua memerlukan bantuan semasa berjalan. Program Latihan Keseimbangan dijalankan selama enam minggu dan tiga sesi dalam satu minggu. Subjek perlu menjalankan latihan statik dan dinamik di atas permukaan rata dan permukaan span. Subjek perlu menutup mata semasa menjalankan penilaian dalam ujian Sistem Pemarkahan Ralat Keseimbangan (BESS). Dalam kajian ini, Program Latihan Keseimbangan adalah program yang khas untuk warga tua.



1.10 Definisi Operasional

Mohd Majid Konting (2000) menyatakan bahawa definisi operasional adalah perlu dilakukan bagi mendefinisikan konsep dan pemboleh ubah kajian dalam bentuk yang senang diukur. Dalam kajian ini terdapat beberapa istilah yang dihuraikan bagi memudahkan perbincangan dan membuat definisi yang standard supaya dapat meningkatkan kefahaman. Definisi operasional dalam kajian ini adalah seperti berikut.





Keseimbangan

Keupayaan mengawal pusat jisim badan dalam keadaan postur yang tegak ketika berada di tapak sokongan yang baik atau sebalik semasa melakukan pergerakan. Seseorang berkeupayaan untuk mengekalkan postur tegak dan bertindak balas terhadap rangsangan dan gangguan dari luar tanpa terjatuh (Berg, Wood-Dauphinee, Williams, & Maki, 1992).

Keseimbangan Statik

Kebolehan mengekalkan pusat graviti dalam keadaan posisi yang tidak bergerak dengan mengurangkan pengaruh yang paling minimum untuk seseorang mendapat pergerakan penglibatan yang berkaitan (Yaggie & Campbell, 2006).

Keseimbangan Dinamik

Kebolehan mengekalkan keseimbangan tapak sokongan semasa bergerak atau menjalankan tugas yang ditetapkan seperti berlari atau berjalan (Olmsted & Hertel, 2004).

Tahap Kefungsian Keseimbangan

Kemampuan melakukan segala aktiviti harian dengan kawalan keseimbangan yang baik semasa dalam keadaan statik atau dinamik (Huxham, Goldie, & Patla, 2001).





Kumpulan Eksperimen

Kumpulan kajian yang menerima latihan intervensi Program Latihan Keseimbangan selama enam minggu.

Kumpulan Plasebo

Kumpulan kajian yang menerima latihan intervensi Program Latihan Plasebo selama enam minggu. Mereka menerima latihan seakan-akan sama dan berkaitan seperti rawatan sebenar untuk kumpulan eksperimen dalam kajian. Secara psikologi mereka seakan-akan menerima rawatan yang sebenar sedangkan intervensi yang dibuat hanya untuk menyenangkan atau menghiburkan mereka sahaja (Beedie & Foad, 2009).



Kumpulan Kawalan

Kumpulan yang tidak menerima intervensi dan meneruskan aktiviti fizikal harian selama enam minggu.

Warga Tua

Individu yang berumur 65 tahun dan ke atas seperti yang diterima pakai dalam United Nations (1982).





Risiko

Suatu kejadian yang boleh berlaku dan mendatangkan kesan buruk atau padah terhadap warga tua akibat kejadian yang akan berlaku (Baranzini et al., 2009).

Terjatuh

Perubahan secara tiba-tiba dan tidak sengaja dalam kedudukan tinggi menyebabkan pendaratan individu pada tahap yang lebih rendah seperti pada objek, lantai, atau tanah dan mengalami kecederaan atau tanpa kecederaan (Tinetti, Baker, Gottschalk, Garrett, McGeary, & Pollack, 1997).

